

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JANUARY 2017

# Parti bunga layu sebelum berkembang

um - 1/1/2017

ZULKIFLEE  
BAKAR



**L**IMA bulan lalu segalanya dalam suasana cukup menarik perhatian dan agak menggemparkan, apabila tiga pemimpin yang disanjung dan dilihat cukup berwibawa menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Ketiga-tiga mereka iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, anaknya yang juga bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berganding dengan matlamat untuk bekerjasama dengan pakatan pembangkang yang diketuai oleh DAP bagi menubuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Kalau melihat gempak-gempita ketika PPBM mula diwujudkan, parti yang dikuasai oleh 3M (Mahathir, Mukhriz, Muhyiddin) dan menggunakan lambang bunga itu cukup hebat, ia akan mampu 'berkembang' dalam persada politik tanah air.

Tetapi ternyata 'parti bunga' kini berhadapan dengan situasi terbantut untuk berkembang. Pergolakan dalaman semakin tidak dapat dibendung lagi. Bermula dengan Khairuddin Abu Hassan yang meninggalkan parti itu, Anina Saadudin pula 'digugurkan' sebagai Ketua Srikandi PPBM.

Belum sempat isu Anina ditangani memandangkan "Tuan" Presiden parti, Muhyiddin dikatakan masih bercuti di Eropah, Mohammed Ezam Mohd. Noor yang baru tiga bulan menyertai PPBM membuat keputusan keluar daripada 'parti bunga'. Alasan diberikan, beliau mahu menumpukan perhatian kepada Hisbah Centre - sebuah pertubuhan bukan kerajaan

(NGO).

Bagaimanapun Mohammed Ezam yang dua kali keluar masuk UMNO membuat keputusan meninggalkan PPBM - parti ketiga yang pernah disertainya termasuk Keadilan (PKR) - menegaskan, tindakannya bukanlah disebabkan masalah dalaman.

Namun begitu kenyataan Mohammed Ezam tidak akan mampu menutup pekung pergolakan dalaman PPBM yang kini semakin terhidu baunya. Pelbagai isu mula diperkatakan melibatkan parti milik 3M tersebut.

Salah satunya ialah bagaimana di dalam PPBM sendiri mula timbul perasaan tidak puas hati dengan perjalanan parti. Corak politik PPBM dikatakan lebih banyak ditentukan oleh Dr. Mahathir, biarpun beliau hanyalah Pengerusi dan disokong oleh Mukhriz sebagai Timbalan Presiden manakala Muhyiddin pula mula dikatakan orang sekadar 'Presiden boneka'.

Istilah 'orang Mahathir', 'orang Muhyiddin' mula diperkatakan. Muhyiddin didakwa meminggirkan 'orang Mahathir' manakala Mahathir pula dikatakan bertindak tanpa berbincang dahulu dengan Muhyiddin sebagai Presiden parti.

Kedadaan itulah pada awalnya dikatakan menjadi penghalang kepada usaha PPBM untuk bergabung dalam pembangkang. Ia memandangkan Muhyiddin yang satu ketika dahulu pernah menegaskan pendirian beliau ialah 'Malay first, Malaysian second' selepas dicabar oleh DAP dikatakan mahu berhati-hati menjalin kerjasama dengan parti tersebut.

Bagaimanapun Mahathir merasakan beliau tidak perlu memohon restu Muhyiddin untuk

rapat dengan DAP apabila menghadiri Persidangan Tahunan DAP pada 4 Disember lalu. Mahathir bagaikan menggadai martabatnya sebagai negarawan apabila membuat kenyataan segalanya pandangan mengenai DAP sebelum ini adalah salah.

Mahathir berbuat demikian kerana mahu mendapat sokongan DAP. Bekas Perdana Menteri itu tahu sejauh mana kekuatan politik Muhyiddin sebab itulah beliau melakukan tindakan politik tanpa perlu merujuk kepada Muhyiddin, walaupun Muhyiddin adalah Presiden PPBM. Bagi Mahathir, dalam usaha mencapai impian politik untuk melihat anaknya, Mukhriz menjadi Perdana Menteri dan membalas dendam politiknya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, PPBM tidak boleh diharapkan, begitu juga PKR dan PAN - kedua-dua parti itu tidak ada kekuatan dan pengaruh dalam pembangkang seperti mana DAP.

## Ikut rentak

Perancangan politik Mahathir menjadi begitu mudah kerana Muhyiddin dilihat tidak mempunyai kekuatan politik termasuklah di peringkat akar umbi, berbanding Muhyiddin, Mahathir lebih berwibawa dan berpengaruh. Dari segi lain pula, sejak awal orang berpendapat, Muhyiddin hanya mengikut rentak dan perancangan politik Mahathir sehingga memungkinkan beliau tersingkir daripada UMNO dan kehilangan jawatan nombor dua tertinggi dalam kerajaan.

Justeru ramai pemimpin PPBM mahu bergantung kepada Mahathir berbanding Muhyiddin. Muhyiddin

tidak akan mampu melakukan langkah politiknya sendiri tanpa restu Mahathir.

Berikutan pertembungan 2M itu, PPBM dilihat semakin berkeceramuk. Ramai yang mula memperkatakan 'parti bunga' kini berada dalam kedudukan 'layu sebelum berkembang'.

Satu sumber memberitahu penulis, organisasi PPBM kini kelam kabut. Ia hanya gag dengan langkah dan kenyataan politik Mahathir sahaja yang dari semasa ke semasa terus melemparkan pelbagai tohmahan kepada kerajaan dan Najib.

"Dari segi hala tuju, majoriti ahli dan penyokong PPBM masih keliru, mereka tidak tahu ke arah mana sebenarnya perjuangan parti itu. Di peringkat akar umbi, gerak kerja boleh dikatakan langsung tidak ada," kata sumber itu ketika ditemui, di Kuala Lumpur Khamis lalu.

Situasi PPBM semakin parah apabila berlaku pula perebutan jawatan dan kedudukan dalam parti. Penyingkiran Anina dan pengunduran Khairuddin serta Mohammed Ezam dikaitkan dengan pergolakan dalaman. Kenyataan menyerang antara satu sama lain dalam kalangan pemimpin dan penyokong PPBM dilakukan secara terbuka sama ada melalui laman sosial mahupun media.

Kesimpulannya, ramai akan menunggu apa yang akan berlaku kepada PPBM seterusnya. Apa yang pasti 'parti bunga semakin layu', pergolakan yang berlaku ibarat 'racun' yang menjadi penghalang untuk 'parti bunga berkembang mekar'. Inilah akibatnya apabila sesebuah parti ditubuhkan semata-mata mahu memuaskan nafsu politik, bukannya demi kepentingan rakyat dan negara.